

# UMBC: Mereka terlibat dikenakan tindakan

PULAU PINANG 20 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan akan tetap diambil ke atas mereka yang terlibat dalam pemberian pinjaman meragukan dan lain-lain salah aturan dalam United Banking Corp Berhad (UMBC).

“Bank Negara kena selidik dan siasat siapa yang terlibat. Jikalau benar ada bukti, tindakan perlu diambil ke atas mereka yang terlibat dan memperbetulkan kesalahan-kesalahan yang dikesan,” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet di sini hari ini.

Ketika ditanya hasil siasatan Bank Negara yang dilaporkan dilakukan sejak tiga bulan lalu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu dan beliau tidak mendapat maklumat mengenainya.

## Laporan

Beliau mengulas laporan *Asian Wall Street Journal (AWSJ)* terbitan 18 Julai yang menyatakan Bank Negara sedang menyiasat UMBC setelah beberapa pinjaman didapati meragukan dan lain-lain salah aturan didakwa berlaku dalam UMBC.

Akhbar itu menyatakan, perkembangan tersebut mungkin membawa petanda kepada perubahan pengurusan bank itu yang pada masa ini dikuasai 60 peratus oleh syarikat awam yang disenaraikan, Datuk Keramat Holdings (DKH).

*AWSJ* melaporkan, sejak tiga bulan lalu Bank Negara telah menyelidiki hal ehwal UMBC dan jalinannya kepada DKH. Laporan itu dipercayai hampir siap dan akan diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.